

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)43

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

43. Apakah objektif lawatan ke Mesir dan Jordan pada bulan Disember 2023?
- (a) Senaraikan semua peserta dan jawatan yang menyertai rombongan tersebut.
 - (b) Senaraikan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk lawatan tersebut.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

43. Objektif lawatan kerja delegasi Kerajaan Negeri ke Mesir dan Jordan adalah seperti berikut:
- (i) Memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai aspirasi Kerajaan Negeri ke arah sebuah 'negeri digital' dan menyediakan minda mereka ke arah kebolehpasaran selepas menamatkan pengajian;
 - (ii) Meninjau kedudukan dan tahap keselamatan pelajar yang sedang menuntut di rantau yang bergolak serta memberi

pandangan, nasihat dan panduan yang perlu bagi menangani sebarang perkara yang tidak diingini;

- (iii) Meningkatkan hubungan dan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan agensi di bawahnya dengan universiti-universiti yang dilawati; dan
- (iv) Menjalinkan kerjasama dengan pihak Kedutaan Malaysia di Mesir dan Jordan bagi memantau serta menyelaraskan aktiviti-aktiviti para pelajar di luar negara

Antara pencapaian lawatan ini adalah:

- (i) MOU antara KITAB, Pulau Pinang dengan Universiti Al-Azhar, Mesir iaitu program Mu'adalah (pemindahan kredit pengajian, dua tahun peringkat diploma di KITAB dan dua tahun peringkat Ijazah Sarjana Muda di Al-Azhar, Mesir);
- (ii) Letter of Intent (LOI) antara KITAB dengan WISE Universiti, Jordan iaitu penawaran program Ijazah Sarjana Muda WISE Universiti, Jordan ke KITAB, Pulau Pinang;
- (iii) Hasil daripada lawatan tersebut juga, MAINPP telah menempatkan Atase Pendidikan di Rumah Pulau Pinang, Mesir bagi menjaga kebajikan pelajar Pulau Pinang di Mesir

bermula 24 April 2024; dan

- (iv) Mempercepatkan proses urusan pembinaan unit kedua Rumah Pulau Pinang di Mesir hasil perbincangan antara Kerajaan Negeri melalui MAINPP dengan kontraktor dan Kedutaan Malaysia di Mesir.

- (a) Delegasi Kerajaan Negeri yang menyertai lawatan kerja ke Mesir dan Jordan terdiri daripada:

- (i) YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid

Timbalan Ketua Menteri (I) Merangkap Pengerusi Jawatankuasa MMK Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat;

- (ii) YB Rashidi bin Zinol

Pengerusi Jawatankuasa MMK Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar;

- (iii) YB Fahmi bin Zainol

Pengerusi Jawatankuasa MMK Agroteknologi &

Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi;

(iv) YBhg. Dato' Dr. Roslan bin Ahmad

Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri
Pulau Pinang (MAINPP);

(v) YBhg. Dato' Haji Rosidi bin Hussain

Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
(MAINPP);

(vi) YBhg. Dato' Amran bin Hazali

Ketua Eksekutif Lembaga Zakat Pulau Pinang;

(vii) Tuan Abdul Mohsein bin Mohd Shariff

Ketua Eksekutif Wakaf Pulau Pinang;

(viii) Prof. Madya Dr. Wan Nazjmi bin Mohamed Fisol
Rektor Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB)
Pulau Pinang;

(ix) Encik Zulkifli bin Mohamad

Setiausaha Sulit kepada YB Timbalan Ketua Menteri (I);

(x) Tuan Syed Abdul Rahman bin Syed Jaafar

Pegawai Tugas-tugas Khas kepada YB Timbalan Ketua Menteri (I); dan

(xi) Seorang wakil Lembaga Pengarah bagi setiap agensi MAINPP iaitu ZPP dan WPP.

(b) Jumlah perbelanjaan Kerajaan Negeri untuk lawatan kerja Delegasi Kerajaan Negeri ke Mesir dan Jordan adalah sebanyak RM209,643.00 iaitu melibatkan perbelanjaan tiket penerbangan ekonomi termasuk Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk pergi dan balik, bilik penginapan berkongsi (*shared room*), pengangkutan dan logistik yang lain sepanjang lawatan kerja di Mesir dan Jordan dari 15 sehingga 23 Disember 2023.